



TAUDHIH AL-FALAK

SOLAT SUNAT ISYRAQ DAN TEMPOH MASA KEDUDUKAN MATAHARI KADAR SEGALAH

Syarak menetapkan beberapa waktu yang dikategorikan sebagai waktu larangan mengerjakan solat sunat iaitu ketika matahari mula terbit sehingga ia naik pada kadar tertentu, ketika matahari tegak (terpacak) sehingga gelincir dan ketika matahari hampir terbenam. Hadis daripada Abu Hurairah R.A.:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم نهى عن صلاة بعد العصر حتى تغرب الشمس،
وبعد الصبح حتى تطلع الشمس

Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang dari mengerjakan solat selepas Asar sehingga terbenam matahari dan solat selepas Subuh sehingga terbit matahari.

(Riwayat al-Bukhari)

Hadis ini menjelaskan dua waktu larangan bagi mengerjakan solat sunat iaitu salah satunya adalah selepas solat Subuh sehingga naik matahari. Para ulama' berbeza pandangan berhubung waktu sebenar kadar naiknya matahari. Berkata at-Thiibi dalam menjelaskan kadar naiknya matahari sebagaimana dinukilkan dalam kitab *Mir'atul Mafatih*:

ثم صلى بعد أن ترتفع الشمس قدر رمح حتى يخرج وقت الكراهة، وهذه الصلاة
تسمى صلاة الإشراق، وهي أول الضحى

Kemudian seseorang mengerjakan solat selepas naik matahari kadar segala sehingga keluar waktu *al-karahah* (makruh). Solat ini dinamakan solat Isyraq dan ia adalah awal waktu Dhuha.

Ulama' berbeza pandangan berhubung solat sunat Isyraq dan solat sunat Dhuha. Sebahagian ulama' termasuk *qaul muktamad* mazhab Syafie berpandangan keduanya adalah solat sunat yang sama. Manakala, sebahagian yang lain berpandangan solat sunat Isyraq dan solat sunat Dhuha adalah solat sunat yang berbeza. Solat sunat Isyraq adalah solat sunat dua rakaat yang dilakukan di awal waktu Dhuha.

Ahli-ahli falak alam Melayu membahagikan waktu Dhuha kepada Dhuha Kecil dan Dhuha Besar. Dhuha Kecil adalah permulaan waktu yang diharuskan untuk solat sunat selepas waktu larangan solat sunat. Waktu ini juga ditafsirkan sebagai waktu bagi mengerjakan solat sunat Isyraq. Berdasarkan beberapa buah kitab falak dalam

bab hitungan waktu solat, waktu solat sunat Isyraq atau disebut sebagai Dhuha Kecil adalah apabila kedudukan matahari berada pada ketinggian antara 4° 30' dan 5° daripada ufuk timur. Berikut merupakan hitungan ketinggian matahari bagi Dhuha Kecil berdasarkan beberapa kitab falak alam Melayu:

Bil	Nama Kitab	Ketinggian Matahari	Purata Tempoh Masa Selepas Terbit Matahari
1	<i>Taqrib al-Maqsad</i>	4° 30'	18 minit
2	<i>Al-Muhtasor al-Muhazzab</i>	4° 42'	19 minit
3	Pedoman Bahagia	5°	20 minit
4	<i>Syams al-Fathiyyah</i>	5°	20 minit
5	<i>Nail al-Mathlub</i>	5°	20 minit
6	<i>al-Jawahir al-Thaminah</i>	5°	20 minit
7	Bantuan Anak Bangsa	5°	20 minit
8	<i>Syams al-Fathiyyah</i>	5°	20 minit

Dhuha Kecil Menurut Kitab Falak Alam Melayu

Di samping itu, menurut Dar al-Ifta' Mesir, waktu solat sunat Isyraq adalah matahari berada pada kadar segalah selepas terbit iaitu lebih kurang $\frac{1}{4}$ jam atau 15 minit. Manakala menurut *Islamweb*, keputusan fatwa bilangan 126653 menyatakan waktu solat sunat Isyraq ialah kadar waktu 12 minit hingga 15 minit selepas terbit matahari. Tempoh 15 minit adalah dianggap lebih berhati-hati.

Setelah merujuk beberapa pandangan dalam kitab-kitab yang membahaskan tentang penentuan waktu solat sunat Isyraq, Mesyuarat Jawatankuasa Falak Selangor Bil.3 Tahun 2023 memutuskan kitab *Taqrir as-Sadidat fi al-Masa'il al-Mufidat* karangan Hassan bin Ahmad bin Muhammad bin Salim al-Kaf dijadikan sebagai asas dalam menentukan permulaan waktu solat sunat Isyraq. Tempoh segalah yang dijelaskan dalam kitab ini ialah 16 minit selepas Syuruq iaitu pada kadar ketinggian matahari bersamaan 4°.

Kesimpulannya, waktu mengerjakan solat sunat Isyraq adalah bermula 16 minit selepas waktu terbit matahari atau selepas waktu Syuruq sepertimana dinyatakan dalam paparan waktu solat Negeri Selangor. Contohnya, waktu Syuruq pada 1 Januari 2024 bagi Zon 1 Negeri Selangor adalah pada jam 7:16 pagi maka awal waktu solat sunat Isyraq adalah pada jam 7:32 pagi.